



SIARAN SERTA MERTA

MOTAC.100-2/1/18 JLD4 (14)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

FESTIVAL BUNG BRATAK TARIKAN PRODUK PELANCONGAN DI SARAWAK

3 September 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menganjurkan program Merakyatkan Seni Budaya: Festival Bung Bratak pada 2 – 3 September 2023 bertempat di Pusat Warisan Bung Bratak, Bau, Kuching, Sarawak.

Penganjuran Festival Bung Bratak ini, satu usahasama antara MOTAC dan Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Sarawak serta Pejabat Daerah Bau, dilihat berupaya merancakkan lagi industri pelancongan di Daerah Bau dan Pusat Warisan Bung Bratak.

Majlis dihadiri oleh YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha, MOTAC, YB Encik Billy Anak Sujang, Ahli Dewan Undangan Negeri Opar, Encik Rayan Narong, Timbalan Pengerusi Persatuan Warisan Bung Bratak serta pemimpin di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Penganjuran program ini bermatlamat untuk memupuk nilai-nilai murni dan semangat kerjasama dalam kalangan

komuniti Bidayuh yang merupakan etnik ke-4 terbesar di Sarawak. Pusat ini merupakan tapak yang dibina untuk mengekalkan warisan dalam usaha memulihara dan memelihara warisan etnik Bidayuh di Malaysia khususnya.

Bung Bratak, dahulunya merupakan kawasan penempatan awal masyarakat Bidayuh bagi sub etnik Bidayuh iaitu Jagoi Bratak. Antara impak Pusat Warisan Bung Bratak kepada industri seni, budaya dan pelancongan Negeri Sarawak ini adalah konsep rumah panjang dijadikan sebagai tempat penginapan di mana kutipan hasil telah mencatatkan penambahan progresif setiap tahun.

Untuk rekod, pada tahun **2023 dari bulan Januari hingga Jun, hasil pendapatan** daripada pengunjung domestik dan asing sebanyak **RM 35,455.00** yang diperoleh melalui kutipan yuran masuk dan penginapan di Pusat Warisan Bung Bratak. Pada tahun 2023 ini juga, **peratus jumlah kedatangan pelancong** ke Pusat Warisan Bung Bratak mencatatkan seramai **3,334 orang pengunjung domestik dan seramai 90 orang pengunjung asing**.

Antara pengisian menarik yang telah diatur sepanjang dua hari program ialah Demonstrasi Permainan Tradisional Etnik Bidayuh, Acara larian Mendaki Bung Bratak “Nyikoh Bung Bratak” berpakaian etnik Bidayuh dan gotong-royong masakan tradisional Bidayuh. Turut diadakan ialah jualan produk tempatan, bengkel produk kesenian serta pameran dan jualan produk kraftangan tempatan.

Dalam majlis yang sama, turut diadakan ialah penyampaian sumbangan kepada Persatuan Warisan Bung Bratak iaitu 20 pasang baju tarian tradisional Bidayuh.

Penganjuran festival ini diharap dapat menjadikan Pusat Kebudayaan Bung Bratak sebagai salah satu produk pelancongan dengan memperkenalkan kesenian dan kebudayaan yang berada di kampung-kampung yang berhampiran.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac